

10 DEC 1996

Mahathir-KLIA

PENYERTAAN KONTRAKTOR TEMPATAN DI KLIA PERLU DITINGKATKAN: MAHATHIR

SEPANG, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lebih banyak kontraktor tempatan sepatutnya mengambil bahagian dalam projek pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini.

Perdana Menteri juga menegur sikap sesetengah kontraktor, yang selepas mendapatkan kontrak tertentu dalam projek itu, menyerahkan pelaksanaannya kepada pihak lain kemudian.

"Sepatutnya lebih ramai rakyat tempatan mengambil bahagian tetapi malangnya mereka tidak memberikan keutamaan terhadap penglibatan mereka dalam projek ini," katanya kepada pemberita hari ini selepas melawat projek KLIA yang fasa pertamanya bernilai RM9,000 juta.

Beliau berkata jika sikap itu berterusan, mereka tidak akan memperolehi apa-apa pengajaran daripada pembinaan lapangan terbang itu.

Dr Mahathir bagaimanapun bangga dengan kemampuan sesetengah kontraktor tempatan menghasilkan barangan seperti keluli yang digunakan dalam projek KLIA tanpa perkongsian dengan syarikat asing.

Ketika ditanya mengenai kos pembinaan KLIA, katanya beliau dimaklumkan bahawa ia masih berada dalam anggaran yang telah dibuat iaitu RM9,000 juta tidak termasuk kemudahan lain yang dibuat secara penswastaan.

"Akhirnya ia akan menjadi RM20,000 juta kerana kita kena ingat kita ada lagi satu terminal dan tiga buah bangunan satelit yang perlu dibina. Jadi kosnya akan menjadi berganda berbanding kos sekarang.

"Anggaran asal saya sebanyak RM20,000 juta tidaklah lari begitu jauh," kata Dr Mahathir dan menambah dengan nada berseloroh: "Engineer Mahathir!"

Apabila fasa pertama projek itu siap tahun depan dan KLIA mula beroperasi pada 1 Jan 1998, lapangan terbang itu dijangka mengendalikan 25 juta penumpang dan sejuta tan kargo setahun.

Perdana Menteri berkata pada keseluruhannya beliau berpuashati dengan kemajuan pembinaan KLIA walaupun terdapat sesetengah aspek yang ketinggalan sedikit daripada jadual.

Antara yang terlibat ialah pembinaan sebuah kampus Penerbangan Malaysia dan pelaksanaan sistem pengendalian di darat.

Dr Mahathir berkata pembinaan lebuh raya dan landasan kereta api ke KLIA juga sedang dalam pelbagai peringkat perancangan atau pelaksanaan.

"Saya yakin KLIA boleh beroperasi pada 1 Jan 1998 menjelang Sukan Komanwel kerana kebanyakannya akan siap pada suku ketiga atau penghujung tahun depan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata landasan pertama KLIA dijangka siap hujung bulan ini dan kebanyakan daripada laluan beredar pesawat sudahpun dilaksanakan.

KLIA akan mempunyai dua landasan yang akan beroperasi pada hari pembukaannya dan ia direkabentuk sebagai sebuah lapangan terbang yang mempunyai empat landasan.

Beliau berkata walaupun kerja dijalankan dengan cepat, mereka tidak akan bertolak ansur daripada segi kualiti.

Walaupun ada sedikit masalah daripada segi kualiti, beliau yakin pihak yang berkenaan akan megambil langkah mengatasinya dan tidak akan bertolak ansur dalam perkara itu.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai rencana majalah antarabangsa "Time" yang antara lain menyifatkan beberapa orang yang rapat dengannya sebagai "konco-konconya".

"Nampaknya saya mempunyai ratusan malah ribuan konco yang mendapat kesemua kontrak yang diberikan," katanya dengan nada berseloroh.

Dalam rencana itu yang menemubual Dr Mahathir, Perdana Menteri juga ditanya mengenai penglibatan anak-anaknya dalam bidang perniagaan.

"Kalau kerja kerajaan dan naik pangkat, itu disebabkan saya...kalau buat private sector dan menjadi maju, itu pun dikatakan kerana saya.

"Sektor swasta tak boleh, dengan kerajaan pun tak boleh...saya ingat jadi buruh kasar sajalah anak-anak saya," katanya sebagai penjelasan lanjut jawabannya dalam temubual itu.

-- BERNAMA

MAM AHH